

15/12/1999

Penggiliran KM beri kesan negatif: Sak

GEORGETOWN, Selasa - MCA negeri menolak cadangan untuk menjawat kedudukan Ketua Menteri secara bergilir di kalangan parti komponen Barisan Nasional (BN) atas alasan ia akan merugikan masyarakat tempatan dan melemahkan proses pembangunan negeri.

Pengerusi MCA negeri, Datuk Dr Sak Cheng Lum berkata, biarpun pendirian MCA ialah untuk mendapatkan tanggungjawab dan perwakilan yang lebih besar dalam mentadbir negeri, parti itu tidak dapat menerima cadangan bergilir seperti yang dilaksanakan di Sabah.

"Kami tidak akan menyokong cadangan itu kerana ia tidak akan membawa kebaikan, sebaliknya mungkin menimbulkan kesan sampingan terhadap pembangunan negeri ini.

"Ini kerana ia secara langsung akan mengganggu kesinambungan malah membawa kesan negatif terhadap pembangunan ekonomi negeri ini," katanya sambil menambah bahawa MCA tidak akan menyokong apa saja langkah yang tidak akan menguntungkan rakyat negeri ini.

Dr Sak berkata demikian ketika diminta memberikan pandangan berhubung cadangan yang diberikan Pergerakan Pemuda Umno negeri semalam supaya penggiliran itu dilaksanakan untuk menyelesaikan krisis akibat tuntutan MCA selepas kemenangan cemerlangnya pada pilihan raya umum lalu.

Ketika membuat cadangan itu Ketua Pergerakan Pemuda Umno negeri, Mohd Ismail Mohd Othman berkata, dengan menggilirkan jawatan Ketua Menteri di kalangan parti komponen BN seperti diamalkan di Sabah, masalah rebutan kuasa yang sedang berlaku sekarang akan dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin.

Menurut Mohd Ismail jika cadangan itu diterima jawatan Ketua Menteri boleh digilirkan di kalangan Umno, Gerakan dan MCA.

Mohd Ismail membuat cadangan itu berikutan kerancakan kempen daripada MCA untuk mendapatkan tanggungjawab dan perwakilan yang lebih besar dalam pentadbiran negeri melalui tuntutan agar diberikan jawatan Timbalan Ketua Menteri kedua serta tambahan satu lagi kerusi Exco memandangkan parti itu kini mempunyai kelebihan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) jika dibandingkan dengan Gerakan.

Situasi itu timbul berikutan tindakan dua Adun Gerakan mengumumkan keluar parti dan menjadi calon Bebas dua minggu lalu sekali gus mengubah kedudukan MCA yang kini melebihi jumlah kerusi jika dibandingkan dengan yang dimiliki oleh Gerakan iaitu hanya lapan.

Ketika membuat cadangan itu Mohd Ismail bagaimanapun menekankan bahawa jawatan Timbalan Ketua Menteri yang selama ini diisi oleh pemimpin Umno tidak perlu digilirkan kerana ia diwujudkan istimewa untuk Umno.

Menurut Mohd Ismail lagi Pergerakan Pemuda Umno negeri juga sudah menulis sepucuk surat kepada Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memaklumkan perkara itu.

Bagaimanapun, keputusan sama ada MCA akan mendapat jawatan Timbalan Ketua Menteri kedua dan dua lagi kerusi Exco dijangka diketahui esok apabila Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon membuat pengumuman.

Kelmarin, Dr Koh dilaporkan menemui Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mendapat persetujuan senarai Exco serta membincangkan kerusi yang dituntut oleh MCA.

(END)